



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 10.00 pagi, 3 Julai 2026.

Untuk Terbitan Media  
3 Julai 2026

## SIARAN MEDIA

### LINDUNG 24 JAM: PERKESO SALUR LEBIH RM1.2 JUTA FAEDAH DALAM TEMPOH SEBULAN

**KUALA LUMPUR:** Genap sebulan berkuat kuasa, sebanyak 592 permohonan kes diterima Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja atau LINDUNG 24 Jam.

Menerusi satu kenyataan, PERKESO memaklumkan bahawa faedah berjumlah lebih RM1.2 juta disalurkan kepada Orang Berinsurans (OB) sepanjang tempoh dari 1 hingga 30 Jun lalu.

Perluasan perlindungan keselamatan sosial diterajui PERKESO ini antara lain merangkumi penyaluran Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), iaitu bayaran kepada pencarum ketika dalam tempoh cuti sakit selagi tidak mampu bekerja.

Turut diperuntukkan ialah bayaran rawatan perubatan dan pembedahan; kos implan; bayaran Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK) berdasarkan taksiran Jemaah Doktor; Faedah Orang Tanggungan (FOT); Elaun Layanan Sentiasa (ELS); serta bayaran pemulihan di pusat rehabilitasi PERKESO.

Dalam tempoh sebulan, jumlah tertinggi pembayaran faedah menerusi skim LINDUNG 24 Jam adalah melibatkan kos implan iaitu RM1.16 juta, diikuti FHUS berjumlah RM99,269 untuk tempoh sama.

“Secara purata, hampir 20 kes sehari direkodkan di bawah LINDUNG 24 Jam, sekali gus menjadi manifestasi usaha PERKESO bagi menutup kelompangan perlindungan sosial yang ada di Malaysia.

“Jika dulu, insiden di luar waktu kerja tidak dilindungi tapi dengan LINDUNG 24 Jam, situasi kini berubah.

“Fokus perlindungan sosial kini tidak lagi tertumpu kepada insiden pergi balik kerja atau musibah di tempat kerja, sebaliknya menjadi lebih menyeluruh walaupun ketika berada di rumah,” menurut kenyataan yang dikeluarkan, hari ini.

Mengulas lanjut, kenyataan sama memperincikan bahawa perlindungan di luar waktu kerja bagi pencarum Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) adalah secara automatik, meskipun potongan caruman belum dilaksanakan.

“ini mencerminkan kepentingan dan peranan sebenar LINDUNG 24 Jam sebagai jaringan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh buat rakyat.

“Hal ini kerana, apabila musibah berlaku di luar waktu kerja, kos perubatan boleh menjejaskan simpanan keluarga manakala ketidakmampuan bekerja mampu memberi kesan kepada kelangsungan sosioekonomi.

“Oleh itu, PERKESO komited untuk memperluas kesedaran mengenai skim LINDUNG 24 Jam agar lebih ramai cakna manfaatnya, selain memastikan tiada golongan pekerja tercicir daripada menerima perlindungan, termasuk ketika di luar waktu kerja,” menurut kenyataan sama.

Untuk rekod, perangkaan mengenai jumlah faedah yang disalurkan PERKESO menerusi LINDUNG 24 Jam ketika ini belum termasuk manfaat kepada pencarum bagi perkhidmatan rehabilitasi secara tanpa had.

Rawatan pemulihan kepada pencarum ini penting demi memastikan mereka berupaya kembali menjalankan tugas seperti biasa selepas ditimpa bencana di luar waktu kerja, sekali gus menjamin kelangsungan pendapatan.

**##TAMAT##**

### **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**3 Julai 2026**